

**Nazri akan jumpa PM berhubung sidang tergepar  
Malaysiakini.com  
August 8, 2011**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berkata, beliau akan membincangkan dengan perdana menteri hari ini berhubung usul Pakatan Rakyat meminta diadakan sidang tergepar Dewan Rakyat untuk membincangkan isu 'Mismah'.

Katanya, beliau akan membangkitkan perkara itu dengan Datuk Seri Najib Tun Razak semasa majlis berbuka puasa, yang difahamkan akan diadakan di kediaman perdana menteri di Putrajaya.

Bercakap dalam sidang akhbar di bangunan Parlimen hari ini, Nazri berkata beliau masih belum membaca kandungan usul tersebut.

Bagaimanapun, tambahnya, selepas membincangkan perkara dengan PM, kemungkinan pihaknya akan memberi respons.

Katanya, beliau tidak mahu mendahului perdana menteri berhubung isu tersebut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/172313>